



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 10 TAHUN 1988**

**PROSEDUR BAGI MEMPERUNTUKKAN SATU PERATUS PELUANG  
PEKERJAAN DI SEKTOR AWAM KEPADA ORANG-ORANG CACAT**

**1. Tujuan**

1.1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan prosedur bagi memperuntukkan satu peratus peluang pekerjaan di sektor awam kepada orang-orang cacat.

**2. Latar Belakang**

2.1 Kerajaan telah bersetuju pada dasarnya supaya sekurang-kurangnya satu peratus daripada peluang pekerjaan di sektor awam diuntukkan kepada orang-orang cacat. Tujuan pelaksanaan dasar tersebut ialah untuk membantu orang-orang cacat yang mempunyai kelayakan dan kemahiran mendapat peluang menyandang jawatan-jawatan yang sesuai dalam sektor awam.

**3. Takrif Orang-Orang Cacat**

3.1 Orang-orang cacat yang dimaksudkan itu ditakrifkan sebagai mereka yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperolehi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan dari segi fizikal sama ada kecacatan itu berlaku sejak lahir atau selepasnya.

3.2 Kecacatan terbahagi kepada tiga kategori iaitu seperti dijelaskan di bawah.

*(a) Cacat Penglihatan*

- (i) Tidak boleh melihat dengan kedua belah mata dan termasuklah juga mereka yang boleh membezakan di antara cerah dan gelap tetapi tidak boleh membezakan rupa bentuk.
- (ii) Penglihatan yang terhad iaitu tidak boleh melihat dengan terang dan jelas seperti orang biasa walaupun dengan menggunakan cermin mata biasa atau "contact lens".

*(b) Cacat Pendengaran*

Tidak boleh mendengar atau pekak dan termasuklah pekak dan bisu yang berlaku sejak lahir.

*(c) Cacat Anggota*

Kecacatan badan sama ada kehilangan atau tiada sesuatu anggota atau kecacatan di mana-mana bahagian badannya dan ini termasuklah kecacatan yang disebabkan oleh penyakit seperti polio, spetik, kudung, lumpuh separuh ataupun sebelah badan.

**4. Sistem Pendaftaran Pekerjaan Bagi Orang-Orang Cacat**

4.1 Kementerian Kebajikan Masyarakat akan mewujudkan satu sistem pendaftaran pekerjaan bagi orang-orang cacat supaya dapat menentukan bahawa hanya mereka yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan bagi jawatan-jawatan yang diiklankan sahaja yang memohon. Dengan ini Kementerian Kebajikan Masyarakat akan berfungsi sebagai badan yang mengawal pendaftaran pekerjaan bagi orang-orang cacat dan akan memproses setiap permohonan jawatan daripada orang-orang cacat sebelum dihantar ke pihak berkuasa melantik yang berkenaan.

4.2 Semua agensi sektor awam hendaklah melaporkan kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat mengenai bilangan orang-orang cacat yang berkhidmat di agensi masing-masing mengikut jenis jawatan dan kategori kecacatan dari semasa ke semasa bagi membolehkan kementerian berkenaan memastikan kemajuan pelaksanaan dasar tersebut.

**5. Prosedur**

5.1 Kejayaan pelaksanaan dasar ini adalah bergantung sepenuhnya kepada sokongan daripada semua pihak terutamanya agensi-agensi yang memerlukan kakitangan lantikan baru. Oleh yang demikian semua agensi sektor awam adalah bertanggungjawab untuk mengenalpasti jawatan-jawatan yang sesuai disandang oleh orang-orang cacat dan jika ada urusan pengambilan bagi mengisi jawatan-jawatan tersebut hendaklah juga memastikan memberi peluang kepada orang-orang cacat mengemukakan permohonan.

5.2 Bagi memudahkan pihak berkuasa melantik berkenaan mengenalpasti permohonan daripada orang-orang cacat maka permohonan daripada orang-orang cacat hendaklah disalurkan melalui Kementerian Kebajikan Masyarakat yang akan mengemukakan permohonan mereka kepada pihak berkuasa melantik berkenaan. Arahan seperti ini hendaklah dinyatakan sewaktu mengiklankan pengisian jawatan berkenaan.

5.3 Semua agensi juga adalah bertanggungjawab memastikan bahawa pengambilan orang-orang cacat dalam jawatan-jawatan yang sesuai hendaklah dilaksanakan secara berterusan sehingga bilangan mereka dalam perkhidmatan sektor awam pada keseluruhannya telah mencapai satu peratus dalam jangkamasa yang munasabah.


**6. Tarikh Kuatkuasa**

6.1 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh dikeluarkan.

## 7. Pemakaian

7.1 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah dipanjangkan pemakaiannya kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Badan-badan Berkanun dan Penguasa-penguasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN),  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
KUALA LUMPUR

*20 Disember, 1988.*

*s.k.*

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Semua Ketua Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.